



ABDULLAH AHMAD BADAWI diiringi oleh Wen Jiabao memeriksa kawalan kehormatan pada majlis sambutan rasmi di Dewan Besar Republik Rakyat China, Beijing, semalam. — Gambar REUTERS

Jiabao bangga Abdullah pilih China lawatan luar ASEAN

29/05/04 UM NSD
BEIJING 28 Mei — Perdana Menteri China, Wen Jiabao merasa bangga apabila rakan sejawatannya dari Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, memilih negara China untuk lawatan pertamanya di luar rantau ASEAN sejak menjadi Perdana Menteri tujuh bulan lepas.

“Lawatan ini menunjukkan nilai yang anda letakkan kepada hubungan antara kedua-dua negara kita sempena memperingati ulang tahun ke-30 dalam beberapa hari lagi,” beliau memberitahu Abdullah pada permulaan perbincangan antara kedua-dua pemimpin itu di Dewan Besar Republik Rakyat China hari ini.

“Bagi China, hubungan kami dengan Malaysia adalah sangat bermakna. Tahun lepas anda melawat China dan di situlah kita mengenali antara satu sama lain

dan kini saya gembira kerana dapat bertemu anda sekali lagi di sini,” kata Wen Jiabao menerusi seorang jurubahasa dengan merujuk kepada lawatan Abdullah ke sini September lepas sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Memorandum

Sebagai maklum balas, Abdullah pula berkata, beliau begitu gembira untuk kembali semula ke China dan ini akan membolehkan beliau mengembangkan lagi hubungan antara kedua-dua negara itu.

Abdullah berkata: “Saya amat gembira dengan peluang ini untuk bertemu dengan anda sekali lagi.”

Sebelum itu, Abdullah diberi sambutan rasmi negara penuh berwarna-warni di Dewan Besar Republik Rakyat China yang juga digunakan sebagai bangunan Par-

limen China yang terletak di hadapan Dataran Tiananmen yang terkemuka itu.

Sebuah kombo memainkan lagu kebangsaan Malaysia dan China, dan Abdullah memeriksa barisan kehormat dengan diiringi dengan tembakan hormat 19 das.

Kedua-dua pemimpin itu kemudiannya menyaksikan majlis menandatangani empat memorandum persefahaman (MoU) antara kedua-dua negara yang meliputi bidang pendidikan, diplomasi dan hubungan antarabangsa, perjanjian Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) mengenai halangan teknikal kepada perdagangan dan kerjasama sanitasi.

Malam ini, Wen Jiabao akan meraikan Abdullah dalam satu majlis jamuan negara di dewan berkenaan. — Bernama